

Headline	Pelajar Orang Asli cemerlang terima sumbangan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	59
ArticleSize	227 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 26,827		



Pelajar Orang Asli cemerlang terima sumbangan

Pekan: Seramai 12 pelajar Orang Asli yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2017 menerima sumbangan di bawah Program Kemasyarakatan Lestari Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Lebih manis lagi, sumbangan RM500 setiap orang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang juga Ahli Parlimen Pekan.

Eliena Jonit, 18, dari Kampung Permatang Siput akui tidak menyangka berjaya mencatat keputusan 4A dalam peperiksaan SPM kerana ketika peperiksaan percubaan, keputusannya sekadar ‘cukup makan.’

Bekas pelajar Sekolah Sains Sultan Haji Ahmad Shah (SHAH) itu berkata, dia tidak mempunyai sebarang petua sebaliknya hanya mengikuti waktu belajar yang ditetapkan sekolah memandangkan dia tinggal di as-

rama.

“Saya juga bertuah kerana dikelilingi rakan yang saling memberi semangat dan tidak pernah meninggirkan meskipun saya Orang Asli.

“Perancangan saya selepas ini untuk menyambung pelajaran ke Institut Pendidikan Guru bagi mengejar impian bergelar guru satu hari nanti kerana saya mahu mendidik anak Orang Asli,” katanya.

Bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pekan, Safian Sadan, 18, sebagai anak sulung, dia berasa bertanggungjawab memberi contoh terbaik buat tiga adiknya yang lain.

Memperoleh 5A dalam peperiksaan SPM, dia membuang rasa rendah diri semata-mata mahu mencapai keputusan baik seterusnya membanggakan ibu bapa-

nya.

“Saya mahu adik-adik menjadikan saya sebagai contoh yang anak Orang Asli juga boleh berjaya. Saya tidak mahu mereka berasa rendah diri.

“Saya juga bersyukur kerana tidak pernah berasa janggal sepanjang belajar di sekolah walaupun saya golongan minoriti,” katanya.

Sementara itu, bekas pelajar SMK Ahmad, Azrul Ahmad, 20, yang memperoleh keputusan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 2.92 dalam STPM berkata, keputusannya melanjutkan pelajaran ke peringkat STPM adalah berbaloi.

“Saya memang mahu melanjutkan pelajaran ke peringkat STPM kerana lebih mudah untuk memasuki institut pengajian tinggi.

“Petua belajar saya mudah iaitu beri tumpuan di dalam kelas dan sering bertanya kepada guru sekiranya ada kemusykilan,” katanya.



AZRUL Ahmad



ELIENA Jonit



SAFIAN Sadan